



Abang Johari (memakai topi) meninjau Catamaran Cruise sebagai satu lagi **produk pelancongan** Sarawak terutama bandaraya Kuching.

Tarikan terbaru Kuching

Oleh Mohd Hamizar Hamid
bhnews@bh.com.my

Satu demi satu tarikan pelancongan baru diperkenalkan, khusus bagi meningkatkan kunjungan pelancong ke Bumi Kenyalang, sekaligus membantu pertumbuhan ekonomi negeri.

Terbaru, Kementerian Pelancongan Sarawak mengambil inisiatif memperkenalkan pengangkutan air, dikenali sebagai Catamaran Cruise - Sayang Sarawak, yang memberi peluang kepada pelancong dari dalam dan luar negara menikmati keindahan Sungai Sarawak yang melingkar di tengah-tengah Bandaraya Kuching.

Bernilai RM1.5 juta dan mempunyai kapasiti 70 penumpang pada satu-satu masa, perkhidmatan bot unik berkenaan bakal menghubungkan Batu Kawa dan Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK), Pending.

Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Abang Openg, berkata pihaknya memperoleh idea itu selepas melihat sendiri perkhidmatan berkenaan menjadi kegilaan dan mendapat maklum balas positif di kalangan pelancong di Brisbane, Australia.

"Kuching kini setanding



Brisbane kerana menyediakan perkhidmatan seperti ini. Di Brisbane, pelancong dibawa menyusuri sungai sejauh 24 kilometer, dengan menyaksikan keindahan flora dan fauna mereka.

"Kita akan mempunyai kemudahan pengangkutan air dengan skala yang sama dengan sungai di sana (Brisbane) kerana keindahan sungai di Bumi Kenyalang ini adalah keistimewaan kita," katanya kepada BH Ahad di Kuching, baru-baru ini.

Perkhidmatan Catamaran Cruise itu dilancarkan 7 September lalu sempena penganjuran Sarawak Regatta 2013, antara acara tahu-

nan terbesar dianjurkan di Bumi Kenyalang.

Beliau berkata Catamaran Cruise turut memberi pilihan kepada pelancong dalam dan luar negara berikutan setakat ini hanya Sarawak Cruise yang beroperasi menyediakan pengangkutan air.

Direka bentuk di Australia
Katanya, pengangkutan air baru ini yang direka bentuk di Australia dan dipasang di Sibul akan mempunyai kelebihan berikutan saiznya lebih kecil dan berupaya menyusuri sungai walaupun bukan ketika air pasang.

"Ini membolehkan Catamaran Cruise membawa

pelancong hingga ke tebingan sungai di Medan Niaga Satok," katanya sambil berkata perincian berhubung tambang dan kekerapan perjalanan itu masih dalam perbincangan.

Sementara itu, Abang Johari menjelaskan sebuah jejantas berhawa dingin bernilai RM5.6 juta akan dibina tahun depan menghubungkan jeti hentian Catamaran Cruise dan BCKK.

"Ini adalah sesuatu yang unik di rantau ini berikutan kita bakal mempunyai pusat konvensyen yang boleh diakses menggunakan jalan darat dan air dan tidak ada seumpamanya sebelum ini," katanya.



» Menikmati keindahan Sungai Sarawak dengan Catamaran Cruise